



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU PERHUTANAN (D.3-4 EB.5)
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEMBANTU PERHUTANAN
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = ENAM (06)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Agricultural Science / Agriculture (Forestry) / Agriculture (Horticulture and Landscape Option) / Forestry atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan sebagai Pembantu Perhutanan Rendah atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.


ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Sijil Asas Perhutanan, Jabatan Perhutanan serta mempunyai kelulusan pengkhususan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas Tiga (03) yang sah (tidak mansuh).
4. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM

1. Sebagai Pegawai luar mengendalikan, menyelaraskan, memantau dan melaporkan kepada pegawai atasan aktiviti Jabatan menurut arahan Ketua Jabatan;



2. Mengetahui dan memastikan kakitangan / pekerja yang dipertanggungjawabkan kepadanya membuat kerja-kerja luar yang diaturkan oleh Ketua Jabatan termasuk menjaga keselamatan harta benda Kerajaan yang diamanahkan kepadanya bagi kemudahan menjalankan tugas berkenaan dalam keadaan baik;
3. Menyediakan laporan-laporan pencapaian kerja bulanan bagi kerja-kerja luar yang diamanahkan oleh Ketua Bahagian / Unit dimana ianya ditempatkan serta menyediakan *check roll* bagi pekerja bergaji hari di bawah jagaannya;
4. Membuat sokongan laporan prestasi kerja kepada Ketua Bahagian / Unit bagi kesemua pekerja luar di Bahagian / Unitnya;
5. Bermalam di hutan apabila diperlukan; dan
6. Melaksanakan semua tugas yang diaturkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

UNIT PENGELOUARAN HUTAN

1. Menjalankan tugas-tugas penandaan sempadan Kawasan / Kompartment / Blok / Seksyen bagi aktiviti pembalakan;
2. Menyelaras permohonan cop pokok dan membuat penandanan cop pokok di dalam hutan;
3. Menyediakan laporan tutup Kawasan / Blok / Seksyen bagi syarikat pembalakan;
4. Menjalankan undang-undang dan peraturan hutan bagi yang berkenaan dengan tugas;
5. Memeriksa kawasan permohonan pembukaan kawasan hutan; dan
6. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.